

DPMM mahu jaminan peniaga Bumiputera di BBP tak terjejas

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mahu-kan jaminan bahawa pendapatan peniaga Bumiputera di pusat beli-belah Bukit Bintang Plaza (BBP) tidak akan terjejas apabila pembinaan pembangunan stesen MY Rapid Transit (MRT) Bukit Bintang di kawasan itu bermula tidak lama lagi.

Setiausaha Agungnya, Hanafee Yusoff berkata, pihaknya memandang serius perkara itu kerana Bumiputera mewakili 60 peratus peniaga di pusat beli-belah itu.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya mencadangkan beberapa pilihan sama ada terus mengekalkan peniaga di situ atau menempatkan mereka ke bangunan lain milik Uda Holdings Bhd.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan DPMM membeli sebahagian daripada lot kedai di pusat beli-belah itu untuk disewakan kepada peniaga bagi membantu mereka.

"Kami bercadang untuk mengadakan pertemuan dengan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Uda Holdings dan Kementerian Kewangan dalam tempoh terdekat bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mempromosikan majlis makan malam bersama Tun Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucap taja bertajuk 'Kajian semula pelan strategik ekonomi Melayu' pada majlis makan malam yang akan diadakan pada 23 Jun ini.

Baru-baru ini, MRT Corp mengesahkan ia sedang berunding dengan kerajaan untuk membina stesen bawah tanah yang disepadukan dengan BBP.

MRT Corp merancang mengambil alih tanah berdepan BBP milik Uda Holdings bersebelahan bangunan Yayasan Selangor yang membabitkan paras bawah kedua-dua bangunan untuk memulakan kerja membina stesen bawah tanah yang adalah sebahagian daripada 13 stesen yang akan dibina bagi laluan MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51 kilometer.

Mengulas lanjut, Hanafee berkata, pihaknya mengetahui tujuan MRT dibina di kawasan sekitar stesen monorel di situ adalah untuk mewujudkan hab pengangkutan yang akan membantu pertumbuhan kawasan itu pada masa depan.

"Selain itu, Bukit Bintang Plaza juga dimiliki oleh kerajaan justeru, ia lebih memudahkan urusan pengambilalihan dan pembangunan berbanding bangunan lain," katanya.